



**NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA**

No. Sebut Harga : PPj/SH(S)/JR/11/2023

Tajuk Sebut Harga :

SEBUT HARGA BAGI MELAKSANAKAN KERJA-KERJA HIASAN PENCAHAYAAN YANG MERANGKUMI MEREKA BENTUK, MEMASANG, MENYELENGGARA DAN MEMBUKA SEMULA LAMPU DEKORASI SEMPENA SAMBUTAN BULAN RAMADHAN DAN SYAWAL 2023 DI SELURUH PUTRAJAYA UNTUK PERBADANAN PUTRAJAYA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada **Kontraktor / Syarikat Bumiputera** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)**, Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor sahaja** di bawah **Untuk Gred G3, Kategori : ME – Pengkhususan E11 (Kerja Am Elektrik)** untuk melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Taklimat Sebut Harga akan diadakan pada **17 FEBRUARI 2023**, jam **10.00 pagi** di **Bilik Mesyuarat Cemara (C5)**. Kehadiran pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPKJ adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama **Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)**, **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** dan **Cap Syarikat**.
3. Dokumen Sebut Harga boleh didapati semasa waktu pejabat pada **17 FEBRUARI 2023** hingga **21 FEBRUARI 2023** dengan bayaran secara tunai **RM50.00** di Kaunter Jualan Tender / Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya.
4. Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor/Syarikat yang menghadiri taklimat tersebut dan hanya wakil Kontraktor/Syarikat yang sah sahaja dibenarkan untuk mengambil dokumen Kontraktor/Syarikat dikehendaki membawa **satu (1) Salinan Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dan **Sijil Taraf Bumiputera (STB)**. Wakil Kontraktor/Syarikat adalah **diwajibkan** untuk membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pegawai syarikat yang ditauliahkan untuk membeli dokumen Sebut Harga.
5. Semua Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke alamat seperti di atas sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **24 FEBRUARI 2023 (JUMAAT)**.
6. Kontraktor / Syarikat yang hadir ke taklimat dan berurusan di kaunter perlulah mematuhi S.O.P yang telah ditetapkan. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke spp@ppj.gov.my.
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

(SHAMSUL BAHRIN BIN RAHMAT)

NAIB PRESIDEN
Jabatan Perancangan Bandar
Perbadanan Putrajaya